

PM bangkitkan isu penubuhan Sekretariat ASEAN+3 hari ini

UM 8AUG2002

DENPASAR 7 Ogos – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membangkitkan isu penubuhan Sekretariat ASEAN + 3 di Kuala Lumpur apabila beliau mengadakan perjumpaan dengan dua rakan sejawatannya, dari Indonesia dan Thailand, di sini esok.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, isu itu diharap dapat diketengahkan semula selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Brunei, bulan lalu menolak cadangan Malaysia mengenai perkara tersebut.

“Saya berharap Perdana Menteri akan meneruskan usaha menjelaskan kepada Thaksin dan Megawati apabila mereka berjumpa esok,” katanya di sini hari ini.

Dr. Mahathir tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja dua hari bagi mengadakan pertemuan dua hala dengan Megawati Sukarnoputri di Istana Tampak Siring.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra juga akan berada di sini untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian tiga hala membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand bagi menentukan agar harga dan pasaran komoditi itu dapat dikawal.

Majlis menandatangani perjanjian tiga hala itu diadakan sempena pertemuan Dr. Mahathir dan Megawati. Malaysia akan diwakili oleh Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik.

Penubuhan Sekretariat ASEAN+3 disuarakan oleh Malaysia pada tahun lalu dan memandangkan idea itu diilhamkan oleh Dr. Mahathir, Malaysia berharap diberi peluang menjadi tuan rumah.

ASEAN+3 merujuk kepada pertubuhan serantau itu serta China, Jepun dan Korea Selatan.

Kata Syed Hamid, hasrat Malaysia supaya Sekretariat ASEAN+3 diadakan di Kuala Lumpur bukan bertujuan untuk mengalihkan kepentingan Sekretariat ASEAN di Jakarta.

ASEAN+3, kata beliau, sebenarnya untuk memperkuhkan tumbuan ASEAN kepada bidang-bidang yang melibatkan kerjasama dalam konteks serantau kerana dari semasa ke semasa semakin banyak perkara yang perlu dibincangkan.

Menurutnya, niat Malaysia untuk menawarkan bantuan RM38 juta serta menanggung perbelanjaan sekretariat itu di Kuala Lumpur selama lima tahun tidak seharusnya diragui. — *Utusan*